



**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**LAWATAN KERJA KE WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT**

1. Seiring dengan lawatan YAB Perdana Menteri ke Washington, Amerika Syarikat bagi menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN – Amerika Syarikat dari 10 hingga 13 Mei 2022, saya akan mengadakan satu siri lawatan kerja ke Amerika Syarikat.
2. Lawatan kerja ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu berhubung buruh paksa susulan daripada lawatan kerja saya ke Geneva dan London bagi mendeposit ratifikasi protokol Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berhubung buruh paksa iaitu Protokol 29 dan perbincangan dengan United Kingdom untuk isu yang sama baru-baru ini.
3. Dalam siri rangka lawatan kerja saya ke Amerika Syarikat, saya dijadualkan bertemu dengan beberapa jabatan di Amerika Syarikat yang berkait rapat dengan isu buruh paksa seperti Jabatan Buruh Amerika Syarikat serta Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat, termasuk satu sesi berasingan dengan *Responsible Business Alliance*.
4. Saya juga akan berkongsi amalan baik negara dalam menangani isu buruh paksa dan menerokai peluang kerjasama dua hala dengan Kerajaan Amerika Syarikat sebagai salah satu usaha dalam memastikan produk dan syarikat Malaysia tidak terus dikaitkan dengan isu buruh paksa.

**DATUK SERI M. SARAVANAN  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
7 MEI 2022**